

23 JUL 2001

Mahathir-Parlimen

SOGOKAN JANJI BALASAN SYURGA SUKAR DIBENDUNG, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sogokan melalui janji balasan di akhirat merupakan jenis rasuah yang sukar dibendung dan dihapuskan.

Katanya, pihak yang menyogok dengan janji seperti masuk syurga jika menyokong mereka bukan sahaja terlibat dengan rasuah tetapi juga dengan penipuan yang besar.

"Untuk membanteras rasuah bentuk ini, pihak yang mampu hanyalah individu atau organisasi yang terlibat," katanya ketika menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) di Dewan Rakyat.

Menurut beliau jika hati kecil seseorang itu takut kepada berbuat dosa, pembanteras rasuah jenis itu akan berjaya.

Setakat ini, katanya, tidak ada usaha yang dibuat (bagi mengatasi sogokan balasan syurga) dan rasuah jenis itu masih berleluasa dan berkembang.

Tan dalam soalnya meminta Perdana Menteri menyatakan setakat mana beliau berjaya membanteras politik wang dan langkah paling berkesan untuk menghapuskannya.

Dr Mahathir berkata untuk menghapuskan sogokan wang adalah lebih mudah dan pelaksanaan undang-undang serta tindakan telahpun dilakukan.

Malangnya untuk sogokan janji palsu, katanya, langkah yang boleh diambil oleh kerajaan amat terhad dan sehingga kini belum menunjukkan kesan.

"Selagi ada orang yang tidak takut kepada Tuhan selama itulah politik sogokan syurga akan berterusan," katanya.

Beliau juga berkata sepatutnya dalam politik, sokongan hendaklah diberi kepada orang yang berkebolehan yang dapat memberi khidmat baik kepada negara.

"Tetapi oleh kerana yang bercita-cita besar ini tidak mempunyai populariti dan tidak mampu menjadi pemimpin parti atau kerajaan yang baik, mereka menghulurkan wang atau barangan atau berjanji memberi balasan baik di akhirat supaya sokongan diberikan kepada mereka," katanya.

Menjawab soalan tambahan Tan yang bertanyakan sama ada apa yang berlaku ke atas Renong, MAS, Bakun dan Indah Water Consortium mempunyai kaitan dengan politik wang atau disebabkan pengurusan tidak cekap, Dr Mahathir berkata perkara itu tidak ada kena mengena dengan politik wang.

"Syarikat-syarikat ini besar dan mempunyai pekerja yang ramai. Jika kerajaan tidak ambil berat dengan apa yang berlaku, yang teraniaya ialah pekerja bukannya taukeh-taukeh.

"Ada pihak yang terlalu terpegaruh dengan fikiran Barat...kalau ada syarikat yang lemah, biarkan dia mati walaupun ini akan menyebabkan ramai yang menghadapi masalah sosial dan pekerjaan, dan kerajaan tahu orang seperti itu mendapat ilham dari Barat," katanya.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat yang menghadapi masalah itu bukan disebabkan mereka tidak cekap, tetapi sesiapa juga semasa kegawatan ekonomi akan menghadapi masalah.

"Saya yakin kalau General Motors menghadapi masalah disebabkan mata wang Amerika (Syarikat) jatuh sehingga nilainya hampir separuh daripada dahulu, mereka juga akan hadapi masalah. Jadi tak boleh ada sesiapa boleh kata ini kerana kurang kecekapan dan sebagainya," katanya.

Perdana Menteri turut ditanya oleh Mohd Apandi Haji Muhamad (PAS-Jeli) mengapa politik wang dalam Umno semakin parah semasa beliau menjadi

presiden parti itu.

"Sebenarnya ada pemimpin Umno yang belajar dari PAS yang menggunakan politik sogokan akhirat dan syurga kepada orang yang tidak berpengetahuan agama. Orang Umno ni tak tergamak nak gunakan agama untuk sogokan. Jadi dia guna wang.

"Kalau PAS, dia sogok syurga kerana tak ada siapa yang tahu sama ada benar atau tidak (masuk syurga)...sebab yang pergi ke sana tak balik cerita," kata Dr Mahathir sambil disambut gelak ketawa anggota penyokong kerajaan.

"Apabila kita hidup nak berlawan dengan orang yang terlibat dengan rasuah ini (sogokan syurga), maka ada yang terpengaruh dan cuba dengan rasuah," katanya.

Bagaimanapun, menurut Perdana Menteri orang berkenaan (orang Umno) tidak lagi guna sogokan syurga tetapi menggunakan sogokan wang.

"Jadi kalau macam ini, orang kata, kalau benda yang kotor di sekeliling kita, kita semua akan jadi kotor," katanya.

Menjawab soalan tambahan Raja Datuk Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut), Perdana Menteri berkata cara membanteras sogokan janji syurga ialah dengan memberi ajaran agama.

Katanya, iman yang kuat hanya datang dari orang yang mendapat pelajaran agama.

"Tetapi ada parti politik yang mempengaruhi guru-guru supaya tidak mengajar agama sebaliknya ajar bagaimana melukis bulan dengan latar belakangnya hijau," katanya.

--BERNAMA

NZ NZ RI